

# CIRI-CIRI USAHAWAN BERJAYA DARI PERSPEKTIF AL-QUR'AN

Oleh:

Wan Sabri Wan Hussin \*

## Abstract

*This article is about findings of a study which was done to identify some characteristics of entrepreneurs as stated in the Qur'an. These characteristics are being compared with the opinion of the western scholars, attempts is made to develop a preliminary model of successful entrepreneurs. Sources of information are reading literature especially the translated version of Qur'an and other materials on entrepreneurs and businessmen. Findings of the study show some universal traits of successful entrepreneurs as being discussed by the western scholars. Anyhow the objective of being an entrepreneur from the perspective of Islam is different from what being taught by the western scholars. Profit in terms of ringgit is not the ultimate aim, but having blessing from Allah the Almighty is something expected most. Measurement of success is based on happiness forever, before and after death.*

## PENDAHULUAN

Islam merupakan satu agama yang lengkap dan sempurna. Ia telah menjelaskan semua perkara berkaitan dengan kehidupan manusia, termasuk yang menyentuh mengenai bidang keusahawanan dan ciri-ciri usahawan yang berjaya. Al-Qur'an misalnya sarat mengandungi penjelasan terperinci mengenai aspek ini. Makalah ini akan membentangkan ciri tersebut berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an. Data-data yang dianalisis adalah berdasarkan kajian yang dijalankan oleh penulis bertujuan untuk melihat ciri-ciri seorang peniaga atau usahawan yang berjaya menurut perspektif al-Qur'an. Secara khususnya, kajian ini menumpukan perhatian kepada:

- Mengenalpasti ciri-ciri usahawan menurut pandangan Islam;
- Membandingkan ciri-ciri usahawan menurut pandangan Islam dengan ciri-ciri usahawan yang diutarakan oleh pengkaji-pengkaji barat/sekular; dan
- Membina satu model usahawan berjaya dan beretika menurut kacamata Islam.

---

\* Pensyarah Fakulti Perniagaan Dan Perakaunan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Sebelum dijelaskan ciri-ciri usahawan menurut al-Qur'an, penulis akan menerangkan sedikit pandangan Barat mengenai ciri-ciri usahawan berjaya.

## USAHAWAN BERJAYA DARI PERSPEKTIF BARAT

McGrath<sup>1</sup> yang meneliti kajian-kajian pengkaji lain tentang usahawan, telah membuat kesimpulan bahawa orang-orang yang berjaya di dalam bidang keusahawanan mempunyai ciri-ciri yang unik dan hampir sama antara satu sama lain. Sekiranya seseorang itu berhasrat untuk menjadi usahawan yang berjaya, ia mesti mengubah sifat-sifatnya supaya menjadi hampir serupa (jika tidak seratus peratus sama) dengan orang yang telah berjaya. Sementara itu Vaught dan Hoy<sup>2</sup> berpendapat bahawa ada nilai-nilai peribadi utama yang menyumbang kepada kejayaan seseorang usahawan. Menurut mereka, usahawan-usahawan yang berjaya adalah usahawan yang mahukan pencapaian; kebebasan; bekerja dalam organisasi kecil; bercita-cita tinggi; mempunyai keyakinan diri yang tinggi; berorientasi masa terkehadapan; mengharapkan ganjaran tinggi; boleh bertolak ansur dengan kesukaran; dan sanggup berkorban apa sahaja demi kejayaan.

Jika McGrath memberi pendapatnya bahawa orang-orang yang berjaya di dalam perniagaan mempunyai sifat yang hampir serupa, Vaught dan Hoy pula memperincikan sifat-sifat tersebut. Para pengkaji lain juga turut bersetuju bahawa tabii orang-orang yang berjaya itu bergantung kepada peribadi mereka. Seperti pendapat McClelland,<sup>3</sup> ciri-ciri peribadi ini memberi implikasi yang besar kepada faktor positif keusahawanan. Faktor-faktor lain seperti sejarah hidup dan latar belakang yang ditempuhi<sup>4</sup> serta faktor persekitaran<sup>5</sup> tidak boleh dikesampingkan dengan begitu sahaja. Pandangan ini juga disokong oleh Sexton dan Bowman<sup>6</sup> serta

<sup>1</sup> McGrath, R.G., *et.al.* (1992), "Elitists, Risk Takers, and Rugged Individualists? An Exploratory Analysis of Cultural Differences Between Entrepreneurs and non-Entrepreneurs," *Journal of Business Venturing*, 7(2), h. 115-135.

<sup>2</sup> Vaught, B.C and Hoy, F. (1981), "Have You Got What It Takes to Run Your Own Business?" *Business*, July-August.

<sup>3</sup> McClelland, D.C (1985), *Human Motivation*, Scot Foresman: Glenview III.

<sup>4</sup> Gasse, Y. (1982), "Elaboration on the Psychology of the Entrepreneur," in Calvin A. Kent, Donald L. Sexton, Karl H. Vesper (ed), *Encyclopedia of Entrepreneurship*, Prentice Hall: Englewood Cliffs, New Jersey; Shapero, A., & Sokol, L., (1982), "The Social Dimensions of Entrepreneurship," in *Encyclopedia of Entrepreneurship*.

<sup>5</sup> Moore, M.T. (1989), "Fledgling Firms Learn to Fly in Incubators," *USA Today*, May 8.

<sup>6</sup> Sexton, D.L. & Bowman, N., (1985), "The Entrepreneur: A Capable Executive & More", *Journal of Business Venturing*, no. 1.

Main.<sup>7</sup> Sexton, Bowman dan Main berpendapat bahawa ciri-ciri peribadi seseorang akan membawa kepada perubahan sikap dan gelagat mereka sendiri, di samping dipengaruhi oleh rentak persekitaran. Hasil daripada ciri-ciri dan gelagat usahawan seperti itu menjadikan mereka kreatif dan inovatif.<sup>8</sup>

Selain daripada sifat-sifat dan gelagat di atas, di dalam kajian yang lain oleh Sexton dan Bowman, mereka berpendapat bahawa usahawan adalah orang-orang yang mempunyai tenaga dan ketahanan yang tinggi. Mereka juga berkeupayaan mendominasi orang-orang bawahan dan mengawal suasana serta membawa idea perubahan.<sup>9</sup> Seseorang usahawan itu sepatutnya juga mampu bertahan lama dalam menyelesaikan masalah.<sup>10</sup> Hasil daripada beberapa penemuan kajian yang lain didapati ada peniaga yang merancang dengan baik bagi meningkatkan kemampuan perniagaan.<sup>11</sup> Namun ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa mereka itu hanya merancang di dalam kepala sahaja dan tidak melakarkan idea tersebut di atas kertas supaya boleh difahami oleh orang lain kerana praktis seperti itu dikatakan membuang masa<sup>12</sup> ataupun mungkin peniaga tersebut bimbang idea kreatif itu diambil atau ditiru oleh orang lain.

Hingga kini tidak ada kajian yang dibuat berlandaskan ciri-ciri keusahawanan yang ada di dalam al-Qur'an untuk diuji kepada usahawan-usahawan sama ada mereka mempunyai sifat-sifat sedemikian sebagai peniaga yang berjaya. Di Malaysia, kajian-kajian yang dibuat setakat ini hanya sekadar membuktikan fakta yang diutarakan oleh pengkaji-pengkaji Barat. Sieh dan rakan-rakan mengulas ciri-ciri keusahawanan mengikut perspektif seperti yang dinyatakan oleh Main, Shapero dan lain-lain.<sup>13</sup> Beberapa orang usahawan yang ditemuduga di dalam kajian Sieh memberi refleksi sifat dan nilai untuk berjaya seperti yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji barat sebelumnya. Setakat ini kajian-kajian yang ada di Malaysia belum lagi boleh menjelaskan faktor-faktor kejayaan usahawan, selain daripada apa yang telah dibuat

<sup>7</sup> Main, J. (1991), "The Big Cleanup Gets It Wrong", *Fortune*, May 20, h. 95-101.

<sup>8</sup> Fucini, J.J., & Fucini, S. (1985), *Entrepreneurs*. Boston: G.K. Hall & Co.

<sup>9</sup> Sexton, D.L., & Bowman, N. (1985), "The Entrepreneur: A Capable Executive & More", *Journal of Business Venturing*, no. 1.

<sup>10</sup> Bacas, H., & Croft., J.L. (1986), "Go Out On Your Own?" *Nation's Business*, March, h. 18-21.

<sup>11</sup> Larson, E. (1987), "The Best-Laid Plans", *Incorporated*, February.

<sup>12</sup> Posner, G. (1985), "Real Entrepreneurs Don't Plan", *Incorporated*, Nov. 1985; Osborne, R.L. (1987), "Planning: The Entrepreneurial Ego at Work", *Business Horizons*, Jan-Feb, h. 20-24.

<sup>13</sup> Sieh Lee Mei Ling, *et.al.* (1993), *Keusahawanan*, Fakulti Ekonomi & Pentadbiran Universiti Malaya - MTDC: Kuala Lumpur.

oleh pengkaji untuk membuktikan aplikasi ciri-ciri usahawan berjaya, sebagaimana yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji Barat, iaitu menggunakan idea-idea yang sudah ada seperti yang terhurai di atas.

## AL-QUR'AN DAN PERNIAGAAN

Di dalam al-Qur'an, tidak banyak ayat dan perkataan yang merujuk secara langsung kepada perniagaan dengan maksud aktiviti ekonomi yang membawa kepada keuntungan harta benda. Perkataan-perkataan yang membawa maksud "perniagaan" di dalam al-Qur'an, misalnya *al-bay'*, *al-buyū'*, *al-bay'a*, juga yang boleh diterjemahkan sebagai "jual beli" dengan istilah-istilah seperti *tabāya'tum* dan *tijāratan* hanya didapati pada beberapa ayat sahaja seperti di dalam Surah al-Baqarah ayat 275 (*al-bay'* dan *al-bay'a*), dan Surah al-Nisa' ayat 29 (*tijāratan*). Daripada pengamatan penulis, dapat dirasakan (tidak pula dikira sebagai frekuensi) bahawa di dalam al-Qur'an hanya terdapat lebih kurang sepertiga sahaja ayat-ayat yang membicarakan tentang hukum, mencakupi segala perundangan hidup manusia. Sebahagian besarnya adalah lebih tertumpu kepada kisah-kisah yang boleh memberi pengajaran dan pengiktibaran kepada manusia dan lain-lain ilmu umum bagi membolehkan manusia memanfaatkan ilmu tersebut untuk kebaikan dan kebahagiaan hidupnya dengan bantuan dan panduan akal yang telah dianugerahkan oleh Allah SWT kepadanya. Ini dengan sendirinya menjelaskan kenapa hukum-hukum tentang perniagaan tidak banyak ditemui daripada al-Qur'an.

Melalui penelitian terhadap nas-nas al-Qur'an, penulis berikutnya akan mengemukakan beberapa fakta tentang nilai manusia yang difikirkan mempunyai kaitan dengan perniagaan.<sup>14</sup> Adalah diyakini bahawa masih banyak lagi ayat-ayat lain yang boleh dikaitkan dengan perniagaan. Apa yang dikemukakan hanyalah sebahagian dari ayat yang difikirkan mempunyai signifikansi yang jelas dengan persoalan yang dibincangkan dalam makalah ini. Jadual 1 menunjukkan sebahagian daripada ayat al-Qur'an yang dijadikan panduan untuk mengupas isu-isu tentang amalan perniagaan dan pengurusan yang patut diamalkan oleh orang-orang yang ingin berjaya.

---

<sup>14</sup> Untuk keterangan lanjut, lihat Wan Sabri Wan Hussin (2000), *Nilai dan Etika Islam Dalam Perniagaan - Amalan dan Tanggapan Masyarakat Malaysia*, Teks tidak diterbitkan, tesis Ph.D, Kuala Lumpur: Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, h. 182-220.

Ciri-ciri Usahawan Berjaya Dari Perspektif al-Qur'an

**Jadual 1:**  
**Panduan Nilai dan Etika Perniagaan Daripada Al-Quran**

NILAI & ETIKA		AYAT & SURAH			
<b>A. NILAI-NILAI PERIBADI</b>					
1. Jalan yang lurus	1:6	10:105	11:112	2:103	33:60
	61:10	61:11			
	Beriman, bertaqwa dan bertawakal	3:120	3:125	3:130	5:2
	20:132	20:135	23:3	58:10	
2. Bercakap benar	2:10	3:17	45:7	58:14	70:33
	92:9	96:16			
3. Tiada dengki dan khianat	2:10	3:19	3:161	8:27	16:92
	16:94	59:10	113:5		
4. Ikhlas	2:264	74:6			
5. Sabar	2:45	2:153	2:155	2:156	90:17
	2:177	3:17	3:120	3:125	103:3
	3:134	8:65	8:66	20:114	31:17
	20:132	22:35	30:37	30:60	33:35
	74:7	89:16			
6. Sentiasa bersyukur	2:172	39:49	57:23	108:2	
7. Bercermat, tidak boros	17:26	17:27	25:67		
8. Murah hati / tidak bakhil	2:195	2:268	3:180	25:67	57:24
	59:9	92:8			
9. Jujur pada diri dan orang lain	2:9	10:44	10:54	19:54	
10. Pemaaf	2:263	3:134	45:14		
11. Yakin	2:10	68:10	72:6	102:5	
12. Pasrah dan memohon hidayah	2:16	18:24	73:2	76:26	94:8
	112:2	114:1			
13. Memajukan diri secara berterusan	2:160	9:112	2:186	2:195	17:29
14. Adil	2:282	4:58	4:135	5:8	70:33
	6:152	16:90	55:8	60:8	
15. Tawadhu' - tidak sombong, rendah diri, tutur kata yang lemah lembut dan tidak riak	2:212	2:263	4:5	2:264	107:6
	4:142	7:206	8:47	15:88	33:35
	17:37	19:32	31:18	31:19	89:15
16. Memegang amanah	4:58	23:8	70:32		
17. Berpengetahuan	4:162	17:36	61:5	61:3	
18. Bersederhana	7:31	17:110	25:67	55:8	96:6
19. Waspada dan berhati-hati	7:205	9:69	11:112	8:22	103:2
	17:11	19:39	21:1	21:3	103:3
	21:37	24:37	30:33	30:36	107:5
	36:45	63:9	68:33	102:1	
20. Bersegera dalam melaksana kerja	18:23				
21. Menjaga kehormatan diri	23:5	33:35	70:29		
22. Tidak tamak dan haloba	89:20	100:8			
23. Bersih	91:9	91:10			

<b>B. MENGURUS HARTA</b>						
1. Sumber harta yang halal	2:168 4:29 9:34	2:172 4:161 20:81	2:188 5:42 51:19	3:75 5:62 18:19		
2. Berbelanja untuk kebaikan, Berzakat dan Menderma	2:195 9:34 2:261 2:271 2:276 4:77 9:103 21:73 23:4 30:39 57:10 58:12	3:17 2:83 2:267 2:272 2:277 4:162 17:26 22:28 24:37 31:4 42:38	4:95 2:110 2:268 2:275 3:92 8:3 19:31 22:35 24:56 33:35 51:19	58:13 2:177 2:270 63:10 3:134 9:60 19:55 22:41 27:3 35:29 57:7	74:6 98:5 89:18 107:3 64:16 90:14 65:7 92:18 30:38 36:47 57:18	
3. Wasiat harta	2:180					
4. Harta anak yatim	4:2	17:34				
5. Berusaha mencari rezeki	4:32	17:29	28:77	29:62	30:23	
6. Harta itu hanya perhiasan hidup, dan hidup itu hanyalah permainan	18:24 18:35 18:39 18:46	18:32 18:36 18:40 29:64	18:33 18:37 18:41 36:9	18:34 18:38 18:42 57:20	64:15 111:2	
7. Jangan guna harta untuk melalai	31:6	104:1	104:2	104:3	104:4	
<b>C. MENJALANI PERNIAGAAN</b>						
1. Fokus	2:45	73:6				
2. Jangan memberi rasuah	2:188					
3. Jauhkan amalan riba	2:275	2:276	3:130	4:161		
4. Berurusan dengan orang waras	4:5					
5. Sukatan dan timbangan tepat	6:152 55:9	17:35 83:1	26:181 83:2	26:182 83:3		
6. Menulis akaun - soal hutang	2:282					
7. Akur dengan janji/perjanjian	2:83 5:1	2:177 16:91	3:76 16:92	3:77 16:94	23:8	
8. Tidak ambil untung berlipat ganda	3:130					
9. Tidak menabur fitnah	8:73	33:60				
10. Jaga diri dari kepapaan	2:197					
11. Adakan saksi/ bukti kepada gadaian atau perjanjian	2:282	2:283				
12. Prioriti	8:7	62:9	62:10	62:11		
13. Taktikal	8:16	61:4	97:1	97:2	97:3	
14. Terima tetamu/khidmat pelanggan	12:59					
15. Mengatur waktu dan merancang	10:67	17:12	27:86	30:23		
16. Selidik sebelum buat keputusan	49:6					

## Ciri-ciri Usahawan Berjaya Dari Perspektif al-Qur'an


<b>D. INTERAKSI DENGAN KOMUNITI</b>					
1. Sikap toleran kepada penghutang	2:280				
2. Hierarki membuat kebaikan	2:83	17:23			
3. Hormat-menghormati	4:86	17:28	24:28	49:11	58:11
4. Jangan menceroboh	5:2	24:27	24:29		
5. Jangan berdendam	5:2	5:8			
6. Tidak bersumpah palsu	5:44	16:95			
7. Saling bantu membantu	8:73	61:4	68:25	68:26	
	68:27	68:28	68:29		
8. Mengeluarkan kata-kata yang baik	17:53	31:18	93:10		
9. Orang yang boleh diikuti	26:151	26:152	68:10		
10. Bermesyuarat	42:38				
11. Tidak merugikan orang lain	26:183				
12. Jangan sangka buruk	49:12				
13. Mengasihani	57:27				
14. Memuliakan anak yatim	89:17	93:9	107:2		
15. Nasihat-menasihati	90:17				

Sumber: Maklumat Daripada Wan Sabri, *Nilai dan Etika Islam Dalam Tesis Ph.D*, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

### NILAI-NILAI PERIBADI PENIAGA

Ciri-ciri peribadi seperti yang dinukilkan di dalam al-Qur'an (Jadual 1) boleh dikelaskan kepada tiga keperluan atau tanggungjawab seseorang individu termasuk para peniaga seperti yang digambarkan di dalam Rajah 1.

**Rajah 1: Pembentukan Sahsiah Diri**



Sumber: Diilhamkan daripada Jadual 1

## **Tanggungjawab Terhadap Tuhan**

Pembentukan sahsiah diri bagi seseorang individu bermula dengan pembinaan insan yang bertanggungjawab terhadap Tuhannya. Ini akan memberi kekuatan kepadanya untuk menolak sifat-sifat buruk seperti tamak haloba, hasad-dengki dan mudah berputus asa daripada menjadi darah dagingnya. Dalam konteks tanggungjawab manusia terhadap Tuhan, terdapat dua perkara asas yang perlu ada di dalam diri seseorang manusia, khususnya bagi para peniaga agar ia mendapat ketenteraman jiwa di dalam menghadapi cabaran perniagaan. Nilai-nilai asas itu adalah adanya rasa bersyukur di atas segala nikmat hidup yang diterima, dan sentiasa memohon hidayah serta petunjuk daripada Allah SWT. Ini semua adalah penawar bagi menghapus rasa dukacita apabila berdepan dengan kegagalan di dalam dunia perniagaan dan bagi menghapuskan sifat riak dalam hati sanubari peniaga andaikata ia berjaya dalam bidang perniagaannya.

### **i. Sentiasa Bersyukur**

Manusia disuruh bersyukur atas rezeki yang diperolehinya (2:172), bersyukur kerana terlepas daripada mara bahaya dan dianugerahkan nikmat kehidupan (39:49). Manusia tidak perlu menyombong diri dan takbur dengan kelebihan-kelebihan dirinya kerana semua itu adalah pemberian Tuhan (57:23). Bagi melahirkan rasa bersyukur itu, manusia disuruh bersembahyang dan menunaikan ibadat korban (108:2). Kualiti ini, jika ada pada seseorang ahli perniagaan adalah merupakan suatu kelebihan dan ia boleh memberi kejayaan berganda kepada mereka. Dari sudut psikologi, perasaan bersyukur akan memberi kepuasan kepada diri sendiri, seterusnya menghilangkan perasaan resah andaikata gagal memperolehi sesuatu yang dihajati. Di sini manusia diajar supaya melihat ke bawah kepada orang yang tidak bernasib baik supaya jiwa mereka menjadi tenang.<sup>15</sup> Kesan besar psikologi yang diperolehi dari perasaan bersyukur adalah ketenangan jiwa yang tidak boleh dibayar dengan nilai wang ringgit.

### **ii. Memohon Hidayah**

Seseorang yang sentiasa memohon hidayah dan petunjuk dari Allah SWT akan terhindar daripada kesesatan (2:16), dan usaha serta cita-citanya akan menemui jalan yang benar (18:24). Bagi memperolehi kejayaan dalam hidup, manusia perlu memohonnya daripada Allah SWT kerana hanya Dia sahaja tempat manusia memohon, (94:8, 112:2), bukannya kepada orang lain, begitu juga untuk menghindarkan diri daripada sebarang kecelakaan dan kesusahan, hanya Allah sahaja

---

<sup>15</sup> Lihat Feldman R.S. (1996), *Understanding Psychology*, New York: McGraw Hill.



tempat berlindung (114:1). Bersembahyang tahajud<sup>16</sup> (73:2) amat dituntut sebagai tanda pasrah dan kesyukuran manusia kepada Allah SWT (76:26) dan sebenarnya bersembahyang di malam yang sunyi memudahkan doa-doa kita dimakbulkan Allah SWT. Penderitaan batin peniaga amat tinggi. Degup jantungnya adalah hidup atau mati dalam mengharungi perjuangan mereka dalam bidang tersebut yang penuh dengan cabaran. Mereka akan sentiasa mengira rugi atau untung dalam operasi perniagaan mereka. Seseorang peniaga yang bangun pada waktu malam bertahajud, insya' Allah doanya akan dimakbulkan oleh Tuhan.

### **Tanggungjawab Pada Diri Sendiri**

Melalui kajian tentang ciri-ciri usahawan yang berjaya, McClelland menggariskan bahawa satu daripada faktor-faktor yang perlu ada bagi seseorang usahawan ialah kawalan dalaman (*internal locus of control*). Kawalan dalaman adalah satu keyakinan bahawa ia boleh mengawal dirinya sendiri, dan yakin bahawa kejayaan yang dicapainya adalah hasil dari usahanya sendiri. Orang-orang dari kategori ini merasa bahawa nasib mereka tidak ditentukan oleh daya atau kuasa luar dan juga faktor nasib baik atau pun yang disebut sebagai kawalan luar (*external locus of control*). Menurut ajaran Islam, seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, manusia tidak wajar bersifat terlalu angkuh dengan kekuatan dirinya yang tidak seberapa. Di samping itu, mereka juga perlu yakin terhadap faktor takdir Ilahi, terutama di dalam memastikan kejayaannya adalah faktor yang mutlak. Namun begitu, hal ini tidak sama sekali menafikan bahawa kawalan dalaman adalah penting dalam menentukan kejayaan seseorang dalam bidang perniagaan.

Kedua-dua faktor kawalan (*locus of control*) dalaman dan luaran mestilah seimbang. Jika tidak kerana takdir dan nasib baik, sukar untuk diramalkan kereta buatan Jepun boleh berjaya di pasaran Amerika. Adakah secara kebetulan atau disengajakan, Pergerakan Hijau dan Alam Bersih Amerika telah berkempen menentang kereta buatan mereka sendiri yang banyak menggunakan petrol,<sup>17</sup> berlaku serentak dengan peristiwa sekatan eksport petrol oleh Al-Malik Faisal dari Arab Saudi ke negara-negara yang menyokong Israel bertujuan untuk meruntuhkan industri automobil Amerika?

#### **i. Jalan Yang Lurus**

Objektif hidup seseorang insan semestinya berteraskan kepada sesuatu yang positif, menjadi insan yang berguna dan hidup dalam keadaan yang sempurna.

<sup>16</sup> Sembahyang sunat dua rakaat pada waktu malam (di antara sembahyang Isyak dan Subuh, setelah tidur seketika).

<sup>17</sup> Joe Schwartz (1990), "Earth Day Today," *American Demographic*, April 1990, h. 40-41.

Banyak ayat di dalam al-Qur'an yang menganjurkan manusia supaya mencari kejayaan dan kebenaran serta sentiasa melakukan amalan baik bagi mencapai hajat dan cita-citanya. Satu daripada ayat al-Qur'an menganjurkan manusia supaya memohon daripada Tuhannya agar sentiasa berada di atas jalan yang lurus: "*Tunjukilah kami jalan yang lurus*" (1:6), begitu juga mereka diseru supaya sentiasa tetap teguh berada di jalan yang betul (11:112). Jalan ini telah dijelaskan di dalam al-Qur'an pada ayat 7, surah al-Fatihah yang (bermaksud): "*Jalan yang telah diberi nikmat oleh Tuhan ke atas mereka, dan bukan jalan yang dimurkai, juga bukan jalan orang-orang yang sesat.*" (1:7). Terdapat dua jalan lurus yang dapat difahamkan dalam konteks perbincangan ini. Jalan lurus yang pertama ialah hasrat perniagaan, "alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan", alang-alang berniaga biar sampai di hujung jaya. Apabila sudah berniaga, peniaga mestilah menghadapkan diri kepada perniagaan dengan semangat yang tinggi melalui perancangan yang rapi. Jalan lurus yang kedua ialah tidak melaksanakan perniagaan secara bersalahan dengan lumrah masyarakat dan kehendak agama seperti menipu sukatan, menipu kualiti barangan dan memberi rasuah untuk mendapat keuntungan melalui jalan singkat. Sekiranya kejayaan seseorang yang berada di atas jalan yang lurus tidak boleh dibuktikan dalam jangka terdekat, Allah SWT menegaskan bahawa semua manusia akan dapat menyaksikan kejayaan tersebut di akhirat kelak. (20:135).

Al-Qur'an telah menerangkan tiga garis asas bagi mencapai objektif berada di atas jalan yang lurus. Ketiga-tiga kriteria yang diperlukan itu ialah mempercayai ajaran yang ghaib (Rukun Iman), mengerjakan sembahyang dan membelanjakan rezeki yang diperolehi bagi jalan-jalan kebajikan: "*Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, mendirikan sembahyang serta membelanjakan sebahagian dari rezeki yang kami berikan kepada mereka*" (2:3). Jalan yang lurus dalam kehidupan dan perniagaan akan mendorong seseorang untuk berfikir secara strategik dan mempunyai fokus yang tetap. McClelland juga telah membuktikan bahawa peniaga yang berjaya adalah mereka yang mempunyai keinginan untuk mencapai tahap kejayaan yang tertinggi (*high need for achievement*). Ini menjelaskan bahawa orang-orang yang berada di atas jalan yang lurus tidak sekali-kali akan menghiraukan gangguan di kiri kanan mereka, kerana mereka dapat melihat kejayaan di hadapan yang bakal dicapainya.<sup>18</sup>

## **ii. Taqwa dan Pasrah**

Tuhan menyayangi dan membantu orang-orang yang bertaqwa (3:125). Taqwa adalah senjata yang kuat untuk menentang kejahatan musuh dan orang-orang yang tidak gembira melihat kejayaan yang dicapai oleh orang lain kerana mereka hanya

---

<sup>18</sup> McClelland, D.C. (1985), *Human Motivation*, Glenview III: Scott Foresman.

mahu melihat orang lain ditimpa bencana (3:120). Taqwa itu ialah sifat yang datang hasil dari amalan sembahyang dan sifat sabar (20:132), tidak mengambil dan memberi riba (3:130), bertolongan pada jalan kebajikan, bukannya pada jalan maksiat (5:2), menghindar diri daripada melakukan perbuatan dan mengeluarkan kata-kata yang sia-sia (23:3), tidak berkomploit dengan syaitan di dalam membisikkan perkara-perkara yang boleh membawa kepada rasa dukacita (58:10) dan juga membelanjakan harta ke arah kebajikan (64:16). Sifat taqwa ini juga adalah sebahagian daripada ciri orang yang berada di atas jalan yang lurus (2:103, 61:10, 61:11).

Dengan memiliki sifat taqwa, seseorang peniaga seterusnya akan dapat menghindarkan dirinya daripada bersifat negatif di dalam mengurus perniagaannya. Ia tidak akan bersikap negatif dalam interaksinya dengan komuniti di sekitar. Isu-isu seperti peniaga menganiaya pengguna atau peniaga memanipulasikan perniagaan untuk kepentingan dirinya sendiri dengan menafikan hak orang lain tidak akan timbul dalam masyarakat. Segala hasil yang diperolehi dan nasib yang diterimanya adalah dipasrahkan, hanya kepada kekuasaan Allah SWT sahaja.

### iii. Ikhlas

Seruan agar seseorang itu ikhlas dalam melakukan apa sahaja pekerjaan dapat diperhatikan daripada ayat-ayat seperti: "*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu membatalkan (merosakkan) [pahala] sedekah kamu dengan menyebut-nyebutnya dan menyakiti [perasaan penerima] seperti orang yang menafkahkan hartanya kerana riak kepada manusia.*" (2:264) dan apabila membuat sesuatu tidaklah sampai berharap mendapat nilai pulangan yang lebih banyak (74:6). Ikhlas juga adalah di antara ciri-ciri orang mukmin yang berada di atas jalan yang lurus (10:105). Seseorang yang melakukan perbuatan baik dan ikhlas, tentunya tidak mengharapkan apa-apa balasan di atas perbuatan yang dilakukannya.

### iv. Sabar

Sabar ialah sifat diri terpuji yang terbanyak dapat dikumpul daripada kitab suci al-Qur'an. Di dalam menempuh arus kehidupan, manusia tentu sekali terpaksa menempuh banyak ujian seperti ketakutan, kelaparan, kesempitan rezeki, bencana dan sebagainya. Dalam hal ini, Allah menyeru manusia supaya bersabar dalam menghadapi ujian tersebut (2:155, 22:35, 30:37, 31:17, 89:16). Apabila manusia berdukacita atas kesusahan-kesusahan tersebut, mereka dikehendaki menunaikan solat berdo'a kepada Allah dan bersabar. (2:45, 2:153). Apabila mereka berada di dalam keresahan, mereka dituntut mengucapkan: "*Kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jua kami kembali*" (2:156) agar mereka memperoleh ketenangan. Manusia mestilah sabar dengan perintah Allah (3:17, 74:7) seperti sabar di dalam

mengerjakan sembahyang (20:132) kerana sabar itu adalah seganding dengan Islam, iman dan taqwa (33:35). Di dalam menghadapi kesempitan dan penderitaan hidup, mereka dikehendaki bersabar (2:177), begitu juga di dalam melakukan amalan yang baik seperti nasihat-menasihati di atas jalan kebenaran (90:17, 103:3), dan menegak kebenaran di atas muka bumi (30:60). Orang-orang yang menang sewaktu berdepan dengan musuh juga adalah terdiri dari orang yang sabar (3:120) kerana Allah SWT menolong orang yang bersifat sedemikian (3:125) dan amat menyukai orang yang dapat menahan marahnya (3:134). Dua puluh orang pejuang yang sabar diibaratkan dapat menewaskan 200 orang musuh (8:65), atau juga sekurang-kurangnya 100 orang pejuang yang sabar yang diibaratkan dapat mengalahkan 200 orang musuh (8:66). Sesungguhnya sifat sabar ini amat penting di dalam melaksanakan apa-apa jua tugas, sehinggakan Nabi Muhammad s. 'a.w sendiri sewaktu diajar pertama kali membaca ayat al-Qur'an oleh Jibrail disuruh membacanya dengan tenang dan sabar (20:114).

Orang-orang yang berjaya adalah terdiri daripada orang-orang yang sabar. Telah terbukti bahawa usahawan yang berjaya adalah usahawan yang mempunyai darjah ketabahan (kesabaran) yang tinggi di dalam menghadapi kesukaran dan kepayahan masa hadapan yang tidak pasti,<sup>19</sup> dan ia akan terus berusaha dengan gigih seolah-olah ia tidak menghadapi sebarang masalah.

#### **v. Boros dan Membazir**

Boros adalah sifat yang tercela dan mereka yang mengamalkan sikap boros disamai dengan saudara-saudara syaitan (17:27). Oleh itu, manusia dianjurkan supaya berjimat-cermat dan tidak berbelanja secara boros (17:26, 25:67). Kekayaan harta hanya boleh terkumpul jika ada sifat berjimat-cermat, dan nikmat kekayaan harta tersebut boleh digunakan untuk tujuan beramal dan berbuat kebajikan. Pengurus yang berjimat-cermat akan dapat mengurangkan kos pengeluaran, dan dengan sendirinya organisasi berkenaan akan menjadi pemimpin kos keseluruhan yang boleh memberi kelebihan di dalam persaingan.<sup>20</sup>

#### **vi. Kejujuran**

Allah memuji sifat jujur Nabi Ismail (19:54) apabila menepati janji untuk dikorbankan, sebaliknya bagi orang-orang yang tidak jujur, mereka dikatakan sebagai cuba menganiaya dan menzalimi diri mereka sendiri (2:9, 10:44). Sesungguhnya orang yang tidak jujur akan dihalang dari memasuki syurga.

---

<sup>19</sup> Sexton, D.L. & Bowman, N. (1985), "The Entrepreneur", *Journal of Business Venturing*.

<sup>20</sup> Porter, M.E. (1980), *Competitors Strategy*, New York: Free Press.

### **vii. Berkeyakinan**

Keyakinan akan menghilangkan perasaan teragak-agak dan syak di dalam diri manusia (2:10) dan syak adalah sifat orang-orang munafik. Pendirian seseorang individu mestilah teguh, jangan mudah dilentur oleh orang-orang yang mahu merosakkan kita (68:10). Bagi menjadikan manusia lebih berkeyakinan dan akan berusaha bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu perkara, dia mesti mempunyai matlamat dan maklumat masa depan yang jelas (102:5). Keyakinan pada diri sendiri juga akan mengelakkan seseorang daripada memohon dan meminta pertolongan dari orang lain selain daripada Allah SWT (72:6). Mengikut Case, persekitaran yang sesuai akan membina keyakinan diri yang tinggi dan mampu membina sifat keusahawanan yang tinggi.<sup>21</sup> Ini terbukti apabila wanita yang merupakan anak sulung dalam sesuatu keluarga boleh mencapai kejayaan yang membanggakan sebagai usahawan.<sup>22</sup>

### **viii. Berterusan Memajukan Diri**

Untuk memajukan diri secara berterusan, manusia perlu sentiasa memuhasabah diri sendiri dan bertaubat dengan mengakui kesilapan yang dilakukannya (2:160), berjanji untuk memperbaiki perbuatan dan usaha yang dilakukannya (2:195) dan terus berusaha secara berhemat (17:29, 94:7). Orang-orang yang beriman sebenarnya adalah orang-orang yang ingin menjadi baik dan betul (2:186). Seseorang yang berusaha untuk menjadi kaya adalah tidak salah dalam Islam asalkan ia berdiri di atas paksi kebenaran.

### **ix. Berpengetahuan**

Jika seseorang itu merupakan seorang yang berpengetahuan, dia akan lebih bijaksana di dalam segala tindak-tanduknya, dan iman orang sebegini adalah kuat dan dia akan mendapat balasan pahala yang amat besar pada hari akhirat (4:162). Sekiranya seseorang individu tidak tahu tentang sesuatu adalah baik dia tidak melibatkan diri di dalamnya (17:36), dan Allah SWT tidak suka kepada orang-orang yang berbuat sesuatu yang tidak selaras dengan apa yang diketahuinya (61:5). Ini adalah di antara gambaran tentang kelebihan ilmu. Mengikut Kao, usahawan yang berjaya ialah usahawan yang telah membina kemahiran, pengalaman dan sumber yang diperlukan sebagai kelebihan dalam merebut peluang. Ilmu juga boleh menjadikan

<sup>21</sup> Case, J. (1989), "The Origins of Entrepreneurship," *Inc.*, June, h. 51-63.

<sup>22</sup> Hennig, M., & Jardine, A. (1977), *The Managerial Woman*, New York: Anchor Press Doubleday.

seseorang lebih kreatif dan inovatif dan menjadikan sesebuah organisasi berbeza dari yang lain.<sup>23</sup>

#### **x. Bersederhana**

Satu daripada sifat buruk manusia yang dicerita di dalam al-Qur'an ialah suka melampaui batas (96:6), lalu Allah SWT berseru agar manusia bersederhana pada pakaian dan makan minum (7:31), bersederhana suara sewaktu berdoa (17:110), bersederhana di dalam berbelanja (25:67) serta di dalam menjalankan keadilan (55:8).

#### **xi. Sifat Berwaspada**

Bagi mengelakkan diri daripada terjerumus ke dalam kecelakaan, manusia diseru supaya sentiasa berwaspada, iaitu jangan menjadi orang yang lalai (7:205). Lalai beribadat (107:5) kerana asyik berjual beli (24:37), lalai dengan urusan harta (63:9, 102:1) dan terlupa pada hari pembalasan (19:39, 21:1, 68:33, 36:45). Sebenarnya orang-orang yang tidak berwaspada di dalam kehidupan adalah termasuk dari kalangan orang-orang yang rugi (9:69), dan mereka juga adalah kalangan yang tidak mahu menggunakan akal yang diberi (8:22). Mereka juga adalah termasuk ke dalam golongan orang yang terburu-buru (17:11, 21:37). Mereka hanya akan memohon pertolongan dari Allah SWT sewaktu susah dan bila senang, mereka akan melupai Allah SWT dan berputus-asa terhadap rahmatNya (30:33, 30:36). Selalunya orang-orang yang leka begini akan menuduh orang lain sebagai tidak betul (21:3). Bagi membina diri agar sentiasa berwaspada, manusia diseru supaya terus teguh berada di atas jalan yang betul (11:112).

#### **xii. Kerja Tidak Bertanggung dan Menjaga Kehormatan Diri**

Allah SWT suka kepada orang-orang yang bergegas di dalam melakukan kerja (18:23), menjaga kehormatan diri (23:5, 33:35, 70:29) daripada terjebak di lembah yang hina. Sebaliknya Allah SWT tidak menyukai orang-orang yang tamak di dalam soal pemilikan harta (89:20, 100:8). Apabila Muslim membaca ayat-ayat al-Qur'an yang bermaksud sedemikian, ia seolah-olah sedang membaca prinsip Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM - *Total Quality Management*) yang ditulis oleh Edward Deming. Salah satu prinsip utama TQM ialah konsep memajukan diri secara berterusan (*continuous improvement*), dan prinsip ini boleh dicapai dengan segera di dalam bertindak.

---

<sup>23</sup> Porter, M.E (1980), *Competitors Strategy*, New York: Free Press.

### **xiii. Bersih**

Kebersihan adalah sifat-sifat yang dimiliki oleh orang-orang yang berjaya (91:9). Kebersihan juga berkait dengan kebersihan dalaman secara spiritual, di mana segala amalan baik tidak boleh sekali-kali terbenam ke dalam kemaksiatan (91:10). Islam menggalakkan penganutnya agar menjaga kebersihan, sama ada kebersihan dalaman atau luaran. Satu daripada sumber kejayaan perniagaan adalah disebabkan pengusahanya berjaya mengekalkan keadaan premisnya dalam keadaan bersih dan menarik.

### **Tanggungjawab Pada Orang Lain**

Nilai diri yang perlu ada pada seseorang apabila ia berinteraksi di dalam masyarakat atau dengan orang ramai (seperti yang difahami daripada tafsiran al-Qur'an) ialah mesti sentiasa bercakap benar, menghindarkan perasaan hasad dengki, tidak bakhil, bersikap pemaaf, adil, amanah dan tidak sombong. Ini adalah sifat-sifat positif yang perlu ada pada seseorang peniaga, juga pada semua individu, kerana sebagai manusia, mereka tidak boleh lepas daripada bersosial dalam menjalani kehidupan.

#### **i. Bercakap Benar**

Bercakap benar adalah satu sifat orang-orang yang beriman, sementara mereka yang bersumpah dusta dikatakan sebagai orang-orang munafik (58:14). Mereka ini adalah orang-orang yang bersalah (96:16), dan mendustai kebenaran (92:9). Hal ini berlaku kerana di dalam diri mereka ada penyakit syak dan hasad dengki (2:10). Mereka akan menerima balasan kecelakaan di atas dosa yang mereka lakukan (45:7). Sesungguhnya orang-orang yang dikasihi Allah SWT ialah orang-orang yang benar perkataannya (3:17), dan yang memberi keterangan dengan adil dan benar sebagai saksi (70:33).

#### **ii. Hasad Dengki**

Orang yang berhasad dengki juga dikatakan sebagai orang-orang munafik di dalam al-Qur'an (2:10). Islam tidak membenarkan penganutnya mengamalkan perbuatan hasad dengki dan melakukan perbuatan khianat (3:161, 8:27) kerana ia adalah punca perselisihan (3:19). Selain daripada itu, hasad dengki juga boleh membawa kepada kejahatan-kejahatan lain (113:5). Allah SWT menyeru manusia supaya berdoa agar dijauhkan dari sifat hasad dengki (59:10).

#### **iii. Bakhil**

Orang-orang bakhil amat dikutuk oleh al-Qur'an kerana sifat bakhil adalah dikira sebagai seburuk-buruk perangai manusia (3:180) dan mereka yang bersikap bakhil

akan binasa (2:195). Apatah lagi apabila seseorang yang bakhil itu mengajar orang lain pula supaya bersifat bakhil (57:24). Orang bakhil juga sebenarnya dikaitkan sebagai orang-orang yang berdusta (92:8). Sifat bakhil itu adalah terhasil dari hasutan syaitan yang menghasut manusia agar jangan membelanjakan harta pada jalan Allah SWT kerana amalan tersebut dikatakan akan memiskin mereka dan sebenarnya tidak akan miskin seseorang kerana gemar bersedekah pada jalan Allah SWT (2:268). Walau bagaimanapun, Islam turut menggalakkan umatnya agar bersederhana dan sikap ini bukanlah pula bermakna seseorang itu harus menjadi seorang bakhil (25:67). Contoh terbaik yang dinyatakan oleh al-Qur'an mengenai sifat tolong-menolong dan amalan bersedekah dengan keikhlasan ialah apa yang dilakukan oleh golongan Ansar dalam membantu golongan Muhajirin di Madinah, dan mereka ini disifatkan oleh al-Qur'an sebagai golongan yang berjaya (59:9).

#### **iv. Pemaaf**

Orang-orang Islam dituntut supaya menjadi seorang yang pemaaf, mudah memaafkan kesilapan orang lain (2:263), walaupun orang itu bukannya terdiri dari golongan mukmin (45:14). Sesungguhnya Allah amat kasih orang yang bersifat demikian (3:134).

#### **v. Adil**

Allah menyuruh manusia berlaku adil walau di mana sahaja dan kepada sesiapa sekali pun (16:90, 5:8, 4:135), misalnya di dalam memberi keterangan (70:33), di dalam menjalankan tugas (55:8), di dalam kerja sukat-menyukat dan timbang menimbang (6:152), di dalam menghukum (4:58), dan ketika menjadi saksi transaksi hutang-piutang (2:282). Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil (60:8).

#### **vi. Tidak Sombong**

Sekiranya malaikat yang mulia itu dengan kelebihan-kelebihannya tidak bersikap angkuh dengan Tuhan (7:206), manusia juga tidaklah perlu berlagak sombong walaupun sesama manusia dengan menyakiti hati sesama sendiri (2:264). Adalah sesuatu yang menjijikkan kalau seseorang itu suka memandang rendah pada kebolehan orang lain (2:212, 31:18), dan bila seseorang itu berada di tempat orang, ia dilarang dari bersifat sombong (8:47). Sebaik-baiknya seseorang muslim perlu merendah diri kepada orang-orang beriman (15:88) dan orang-orang yang tidak suka meninggi diri itu ialah orang-orang yang beriman (33:35). Apabila ia bercakap hendaklah direndahkan suaranya kerana suara yang ditinggikan untuk menengking seseorang diumpamakan tidak ubah seperti suara keldai (31:19). Sekali-kali seseorang itu tidak boleh sombong dan derhaka kepada ibu bapanya (19:32), ia



### Ciri-ciri Usahawan Berjaya Dari Perspektif al-Qur'an

disuruh supaya berkata baik dengan peminta sedekah (2:263), dan anak-anak yatim (4:5). Dipaparkan di dalam al-Qur'an bahawa kemuliaan dan kemewahan itu adalah ujian Allah SWT kepada manusia supaya ia tidak bersifat angkuh (89:15), dan riak yang tercela (107:6), misalnya orang-orang yang takbur berderma, bukan dengan keikhlasan, tetapi mengharapkan balasan yang lebih dari apa yang didermakannya (90:6, 90:7). Orang-orang yang sombong itu sebenarnya tidak mampu berbuat apa-apa (17:37).


#### vii. Amanah

Orang-orang yang beriman adalah orang-orang yang menjaga amanah dan janji (23:8, 70:32). Segala apa yang diamanahkan mestilah diserahkan kembali apabila tiba masanya untuk berbuat demikian (4:58).

## PENGURUSAN HARTA

Perniagaan adalah alat atau kaedah bagi peniaga untuk mengumpul harta. Pemilikan harta yang banyak merupakan suatu anugerah untuk menguji keimanan pemilik harta tersebut. Daripada ayat-ayat al-Qur'an yang dikumpul oleh penulis, dapat dikelaskan perbincangan mengenai pengurusan harta ini kepada tiga kumpulan seperti di dalam Rajah 2, di mana usaha-usaha pengumpulan harta, pandangan Islam terhadap harta dan pengurusannya adalah berasaskan perbincangan bagaimana sumber-sumber harta diperolehi dan ke mana ia dibelanja atau digunakan oleh seseorang.

Rajah 2: Pengurusan Harta



Sumber: Daripada Jadual 1

### **Pengurusan Harta dan Usaha-usaha Mencarinya**

Kalau harta tidak diuruskan dengan sebaik-baiknya, ia akan memberi banyak masalah kepada pemilik dan juga orang lain. Fakta sejarah menunjukkan bahawa ketamadunan manusia bermula dengan harta dan kehancurannya juga adalah kerana harta. Setiap orang mencari kemewahan melalui pengejaran kewangan dan penguasaan ekonomi, seterusnya keturunannya yang mewarisi kemewahan tersebut akan jatuh kerana kemewahan yang ada.

Setiap orang akan mendapat bahagian masing-masing hasil dari apa yang mereka usahakan (4:32). Oleh itu, manusia disuruh berusaha dan memohon secara berterusan daripada limpah kurnia Allah SWT (30:46). Amalan menguruskan harta dengan cara yang baik merupakan suatu kebajikan (28:77). Di dalam mencari rezeki, manusia disaran agar tidak bersikap keterlaluan dengan bekerja tanpa berehat kerana badan juga memerlukan rehat (30:23). Sebenarnya selepas berusaha dan berikhtiar, kuasa pemutus berada di tangan Allah SWT, Dia berkuasa memberi kemewahan dan menyempitkan rezeki seseorang (29:62).

Harta hanyalah perhiasan dunia (18:46). Oleh itu, manusia ditegah menjadi riak apabila memperolehi kemewahan serta membanding-bandingkan dengan orang lain (18:34). Sesungguhnya harta itu boleh datang dan pergi pada bila-bila masa sahaja (18:33, 42), seperti yang dikisahkan di dalam al-Qur'an tentang dua orang lelaki dengan kebun anggur dan tamar mereka yang menyaksikan kebun-kebun itu lenyap dalam sekelip mata sahaja (18:42). Sesungguhnya orang-orang yang tamak dengan harta, ia akan terhalang daripada melihat keburukan (36:9), dan berkali-kali manusia diingatkan bahawa harta dunia hanya merupakan permainan, hiburan dan ujian bagi mereka (57:20, 64:15), dan ia tidak dapat menolong manusia yang berada di dalam kesempitan pada hari akhirat (111:2). Kebaikan akhirat amat besar nilainya dan ia langsung tidak setara dengan nilai harta benda yang dikumpulkan oleh manusia di dunia ini.

### **Sumber Harta**

Harta yang dikumpulkan oleh manusia di dunia ini mestilah datang dari sumber yang diharamkan (2:168, 2:172, 20:81) dan manusia sama sekali tidak diizinkan memakan sesuatu yang terhasil dari sumber-sumber yang salah seperti sumber rasuah (2:188), hak orang (3:75), kecuali melalui perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka antara mereka (4:29). Azab siksa menanti mereka yang ingkar terhadap larangan Allah SWT berkaitan dengan salah laku tersebut (4:161). Adalah amat buruk amalan atau perilaku orang-orang yang memakan benda-benda yang diharamkan oleh Allah SWT (5:62). Allah SWT menyeru mereka yang mempunyai kuasa atau upaya supaya menghukum dan memboikot orang-orang yang suka memakan sesuatu yang haram

(5:42). Ahli-ahli agama sebenarnya juga mudah terdedah dengan keadaan yang demikian, sebagaimana yang diceritakan oleh al-Qur'an tentang ahli-ahli agama Yahudi dan Nasrani yang memakan harta orang ramai dengan cara yang salah (9:34), Sesungguhnya pada harta yang dimiliki manusia terdapat hak orang lain (51:19) yang mesti dibersihkan melalui amalan bersedekah.

### **Penggunaan Harta**

Penggunaan harta yang diiktirafkan oleh Islam ialah untuk kebaikan dan kebajikan kerana Allah SWT (2: 3, 2:195, 3:17), sebagai tanda seseorang itu telah berjuang untuk agamanya (4:95) serta untuk faedah dirinya sendiri (34:15), bukannya berbelanja kepada perkara-perkara yang melalaikan, misalnya untuk hiburan semata-mata (31:6). Berkali-kali di dalam al-Qur'an Allah SWT menyeru manusia supaya mengeluarkan zakat (2:83, 2:110, 2:277, 4:77, 21:73, 24:56, 27:3, 22:41) dan berderma pada jalan Allah SWT (33:35, 3:134, 42:38).

Diceritakan di dalam al-Qur'an, seseorang yang berderma kerana Allah SWT, bandingannya adalah sama seperti sebiji benih yang mengeluarkan tujuh tangkai, dan pada setiap tangkai mengandungi 100 biji buah (2:261). Orang yang membelanjakan hartanya untuk orang-orang miskin, musafir dan peminta sedekah akan mendapat balasan yang baik pada hari akhirat dan itulah antara amalan yang baik, sebagaimana yang ditegaskan oleh al-Qur'an (2:177). Allah SWT mengetahui niat seseorang yang membantu itu, sama ada baik atau sebaliknya (2:270). Tidak salah berderma secara terang jika ia menjadi contoh kepada orang lain atau bersembunyi sebagai tanda ikhlas (2:271), begitu juga seseorang itu boleh bersedekah kepada fakir walau pun mereka tidak meminta (2:273). Apabila melakukan amalan bersedekah atau berzakat, ia hendaklah memberikannya daripada harta yang terbaik (2:267), kerana seseorang itu tidak akan dapat mencapai kebajikan hakiki selagi ia tidak membelanjakan harta dari sesuatu yang disayangnya (3:92). Syaitan sememangnya membisikkan kepada manusia tentang kepapaan akibat berderma (2:268, 58:13), pada hal yang boleh menyusutkan harta ialah riba (2:275), sedangkan zakat, sedekah adalah senjata untuk mengembang harta (2:276, 30:39), membersihkan harta (23:4, 92:18) dan membersihkan dosa manusia (9:103).

Orang-orang yang mendermakan dan menzakatkan hartanya adalah orang-orang mukmin sebenar yang beruntung (8:3, 8:4), berjaya (64:16), mendapat berkat (19:31), diredhai Allah SWT (19:55), dan mereka sebenarnya orang-orang beriman (22:35, 33:35). Apa lagi sebagai seorang peniaga, ia mestilah mengeluarkan zakat (24:37) kerana seperti yang diterangkan sebelum ini, zakat itu akan membantu mengembangkan perniagaannya. Mukmin juga digalakkan sentiasa bersedekah sewaktu ada peluang untuk berbuat demikian, kerana mungkin pada masa akan

datang, orang tidak lagi memerlukan sedekah dan derma dari orang yang ingin bersedekah.

Sebenarnya atas harta yang kita miliki itu ada hak orang lain yang patut dikeluarkan sedekah ataupun zakat. Orang-orang itu ialah terdiri daripada kaum kerabat, orang-orang miskin, musafir, fakir, amil yang menjadi pemungut zakat, mualaf, hamba yang mahu merdeka, orang yang berhutang, orang-orang yang berbelanja ke jalan Allah (9:60, 17:26, 30:38, 51:19). Mukmin juga digalakkan menunaikan ibadat korban untuk diberi makan kepada orang-orang miskin (22:28), dan kepada orang-orang yang sedang berada dalam kelaparan (90:14). Orang-orang yang menunaikan tanggungjawab ini sebenarnya telah membuktikan keyakinan mereka terhadap hari akhirat (31:4), walaupun mereka diejek oleh orang-orang kafir kerana melakukan amalan mulia tersebut (36:47). Mukmin disarankan supaya berderma dengan ikhlas (57:18), sebelum mereka mati (63:10), berdasarkan kemampuan masing-masing (65:7).

## **MENJALANI PERNIAGAAN**

Bagi amalan peniaga berkaitan dengan aktiviti perniagaan pula, terdapat 49 ayat al-Qur'an yang menyentuh 16 ciri pengurusan perniagaan sebagaimana yang boleh diringkaskan seperti dalam Jadual 2 berikut. Terdapat empat komponen penting yang boleh dikembang menjadi kaedah pengurusan. Keempat-empat komponen itu menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan pengurusan strategik, operasi perniagaan dan membincangkan larangan dalam perniagaan serta menyentuh mengenai kaedah membuat keputusan (Lihat Rajah 2).

### **Pengurusan Strategik**

Islam melalui al-Qur'an telah mengajar umatnya supaya mengutamakan pengurusan yang cekap dan berkesan serta yang mempunyai perancangan jangka panjang. Setelah beberapa ayat dipetik dan digabungkan dengan konsep ketuhanan, terserlah pula objektif ayat tersebut yang menonjolkan ciri-ciri kebajikan dan keberkatan yang terdapat kepada harta dicari menerusi operasi perniagaan. Terdapat empat ciri pengurusan strategik yang diperlukan iaitu fokus, prioriti, taktikal dan merancang (Lihat Rajah 2).

## Ciri-ciri Usahawan Berjaya Dari Perspektif al-Qur'an

### Jadual 2:

#### Pengurusan Perniagaan Beras Al-Qur'an

Strategik	Fokus Prioriti Taktikal Merancang
Operasi	Sukatan dan timbangan Perakaunan Memenuhi janji Mengambil untung yang sederhana Janji bersaksi dan terbukti Menjaga pelanggan
Larangan	Elak kepapaan Elak riba Elak rasuah Elak berniaga dengan orang tidak berakal Elak dari meminta ihsan Elak dari menabur fitnah
Membuat keputusan	Menyelidik sebelum membuat keputusan

#### i. Fokus

Allah menyatakan di dalam al-Qur'an bahawa kerja yang paling sukar dilakukan oleh mukmin ialah bersembahyang dalam keadaan khusyuk (2:45). Berniaga tentu sekali tidak sepayah sembahyang, sebab ia lebih nyata dan jelas berbanding dengan sembahyang yang lebih abstrak sifatnya jikalau ingin ditunaikan dalam keadaan khusyuk. Tentu sekali sekiranya seseorang ahli perniagaan itu dapat menghayati sifat khusyuk atau dalam erti kata yang lain boleh memberikan fokus terhadap perniagaannya, dia akan dapat mencapai kejayaan yang cemerlang dalam perniagaannya. Fokus adalah satu faktor yang disebut oleh Porter sebagai satu strategi untuk menjadikan sesuatu perniagaan dapat dioperasikan dengan cara yang terbaik.<sup>24</sup>

#### ii. Prioriti


Ayat-ayat al-Qur'an tidak menyebut secara langsung bahawa manusia perlu menentukan prioriti di dalam melaksanakan sesuatu aktiviti perniagaan. Walau bagaimanapun, terdapat banyak ayat yang menyeru manusia supaya memilih keutamaan di dalam membuat sesuatu keputusan. Tentu sekali orang-orang mukmin akan memilih untuk menyertai angkatan perniagaan, bukannya angkatan perang kalau mereka berada dalam keadaan yang tidak terdesak untuk berperang. Sekiranya mereka terpaksa berperang seperti ketika mana mereka diperangi, adalah menjadi keutamaan bagi mereka untuk menyertai angkatan perang (8:7). Begitu juga halnya

<sup>24</sup> Lihat keterangan Porter dalam bukunya, *Competitors Strategy*.

mengenai solat Jumat pada hari Jumaat, di mana apabila tiba masa bersembahyang, mereka diseru supaya meninggalkan urusan jual beli, kerana pada waktu itu mereka perlu mengutamakan amalan solat (62:9). Rasionalnya adalah jelas iaitu selepas itu ada lagi masa untuk mereka meneruskan usaha-usaha mencari rezeki. Di dalam Islam, mencari pahala daripada aktiviti-aktiviti kebajikan adalah lebih diutamakan daripada mencari hiburan yang sia-sia (62:11).

Rajah 3:

**Arah Aliran Pengurusan Perniagaan dan Nilai**



Sumber: Penyesuaian daripada Jadual 2 dan 3

**iii. Taktikal**

Setiap langkah perjuangan mestilah digerakkan secara taktikal agar langkah tersebut akan membuahkan kejayaan. Orang-orang yang berundur kerana takut di dalam peperangan amat dikecam oleh al-Qur'an, kecuali di atas sebab-sebab siasah (8:16). Begitu juga dengan angkatan perang di dalam peperangan yang disarankan berbaris dengan teratur dan rapi ibarat sebuah bangunan yang tersusun kukuh (61:4) agar angkatan tersebut akan dapat mencapai kemenangan dalam sesuatu peperangan. Untuk memperolehi keuntungan yang berganda dalam sesuatu perniagaan, seseorang perlu mencari dan mengambil peluang yang ada. Sebagai contoh untuk mengukuhkan kenyataan ini ialah kepentingan umat Islam merebut peluang malam Lailatul Qadar untuk melakukan amal ibadat bagi merebut pahalanya yang besar. Al-Qur'an diturunkan pada malam Lailatul-Qadar (97:1) dan malam itu adalah lebih baik dari 1000 bulan, umat Islam diseru mencari malam Lailatul-Qadar dan merebut peluang yang besar sebegitu (97:2, 97:3).

#### **iv. Merancang**

Allah SWT menjadikan putaran masa dengan menukarkan siang kepada malam silih berganti sebagai waktu untuk bekerja dan berehat (10:67, 27:86, 30:23). Keterangan al-Qur'an itu memberi petunjuk supaya orang-orang beriman dapat merancang dan menjadualkan kerja-kerja yang hendak dilakukannya dengan cara yang teratur (17:12).

### **PENGURUSAN OPERASI**

Operasi ialah perjalanan sesebuah organisasi, dan dalam konteks perniagaan, organisasi perniagaan perlu beroperasi mengikut lunas-lunas kebajikan dan keberkatan. Berikut diterangkan ciri-ciri operasi perniagaan yang baik, sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Qur'an.

#### **i. Sukatan dan Timbangan**

Keadilan dan kesempurnaan sukatan dan timbangan amat perlu dititikberatkan dalam sesuatu operasi perniagaan (6:152, 17:35, 26:181, 26:182, 55:9). Allah mengecam peniaga yang menipu sukatan dengan janji balasan celaka yang besar (83:1). Mereka ini adalah orang-orang curang kerana apabila mereka menerima sukatan dari orang lain, mereka menerima dengan cukup, tetapi apabila mereka sendiri menyukat barangan orang lain, mereka akan mengurangkan sukatan tersebut (83:2, 83:3). Menyukat produk yang dijual atau menimbanginya adalah satu mekanisme penyelesaian kepada kesetaraan jualan serta untuk memberi keadilan kepada kedua-dua belah pihak, iaitu penjual dan pembeli. Bagi peniaga, apabila ia membeli apa-apa jenis makanan untuk dijual kembali, makanan itu tidak boleh dijual terlebih dahulu selagi tidak disahkan sukatan atau timbangan makanan tersebut.

#### **ii. Perakaunan**

Perakaunan adalah satu perkara yang penting bagi seseorang peniaga, kerana akaun yang lengkap memudahkan ahli perniagaan menganalisis perniagaannya. Ia juga merupakan satu alat kawalan penting bagi memastikan perniagaannya diuruskan dengan cara yang betul. Al-Qur'an menyarankan agar seseorang itu mencatat semua transaksi perniagaannya terutama tentang hutang-piutang (2:282) dan catatan itu mestilah dibuat dengan adil.

#### **iii. Janji**

Menunaikan janji merupakan satu nilai diri yang positif dan amat penting pada diri seseorang peniaga. Allah SWT mengutuk orang-orang yang tidak menunaikan janji, misalnya kaum Bani Israil yang ingkar dengan perjanjian mereka (2:83) untuk

beriman kepadaNya. Menyempurnakan janji adalah satu ciri orang-orang yang beriman (5:1) dan sebenarnya orang yang menyempurnakan janji adalah merupakan orang-orang yang membuat kebajikan (2:177) kerana janji adalah hak seseorang yang mesti ditunaikan (3:76). Orang-orang yang tidak percaya janji Allah SWT tentang hari kemudian (3:77) adalah merupakan orang-orang yang tidak memahami fakta kebenaran di dalam janji tersebut, dan mereka ini selalunya kerap bersumpah untuk menegakkan benang yang basah (16:92, 16:94). Janji-janji orang yang sebegini tidak boleh dipercayai. Orang-orang yang boleh dipercayai hanyalah orang-orang yang menjaga amanah dan janji mereka (23:8).

#### **iv. Saksi dan Bukti**

Memandangkan ramai orang suka bersumpah palsu bagi menegakkan kesalahan dan bersifat pelupa, Allah SWT menyarankan di dalam al-Qur'an supaya setiap janji mestilah bersaksi (2:282) dan sesuatu janji yang dibuat juga perlu disokong oleh bukti, misalnya dalam kes urusan hutang-piutang yang dibuat semasa musafir, yang mana kedua pihak gagal mendapatkan jurutulis untuk mencatatkan urusan tersebut. Dalam keadaan ini, pihak yang berhutang hendaklah memberikan barang gadaian untuk dipegang oleh pemberi hutang (2:283).

#### **v. Keuntungan**

Islam menuntut umatnya bersederhana. Di dalam perniagaan, Islam menganjurkan umatnya supaya bersederhana dalam membuat keuntungan. Lantaran itulah riba tidak diizinkan oleh Islam. Urusan perniagaan yang dikendalikan berasaskan riba terkandung di dalamnya unsur-unsur penganiayaan terhadap mukmin melalui untung yang berganda (3:130).

#### **vi. Mengurus Pelanggan**

Di dalam al-Qur'an, tiada keterangan secara langsung yang meminta peniaga melayani pelanggannya dengan cara yang bersopan. Walaubagaimanapun, ada ayat yang menceritakan bagaimana Nabi Yusuf a.s. melayani para tetamunya yang terdiri daripada adik-beradiknya sendiri. Beliau memberi layanan yang sebaik-baiknya kepada mereka, padahal beliau pernah dikasari dan cuba dibunuh oleh mereka. (12:59). Keterangan ayat ini secara tidak langsung turut menyentuh kepentingan peniaga melayani pelanggannya dengan cara yang bersopan.

### **LARANGAN DI DALAM PERNIAGAAN**

Bagi seseorang Muslim, perkara utama yang perlu ditelitinya sebelum memulakan perniagaan ialah memastikan perniagaan yang hendak diceburi itu tidak diharamkan oleh syarak. Apabila dia menjalankan perniagaan, dia tidak boleh menganiaya pembeli. Cara untuk mengetahui perniagaan yang ditegah di dalam Islam adalah



mudah. Segala perniagaan yang melibatkan produk yang diharamkan dan membawa kepada kemaksiatan adalah ditegah oleh syarak. Ini bererti meniagakan produk yang dibuat daripada bangkai, anjing atau babi adalah haram. Berniaga arak dan menjalankan perniagaan yang berunsur judi juga dilarang oleh syarak.

#### **i. Kepapaan**

Umat Islam diminta menghindarkan diri dari kepapaan, malah al-Qur'an sendiri menjelaskan kepentingan menghindarkan diri dari sifat kepapaan iaitu meminta ihsan dari orang lain. (2:197). Hari ini umat Islam di seluruh dunia dipandang hina oleh masyarakat antarabangsa kerana kemiskinan mereka. Untuk bangkit sebagai satu umat yang dipandang mulia, seluruh umat Islam mesti bangkit dan keluar daripada belenggu kemiskinan.

#### **ii. Riba**

Riba adalah satu amalan yang amat ditegah oleh Islam (3:130). Sesiapa yang mengambil riba, dia sebenarnya telah membantu menyusutkan harta yang sedia ada (2:276), dan dia akan menerima balasan azab siksa yang tidak terperi sakitnya (4:161). Al-Qur'an menjelaskan bahawa *"orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan, dengan terhoyong hayang kerana sentuhan (syaitan yang merasuk itu). Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "bahawa sesungguhnya berjualbeli itu hanyalah seperti riba" pada hal Allah telah menghalalkan berjualbeli (berniaga) dan mengharamkan riba"*. (2:275).

#### **iii. Rasuah**

Rasuah juga adalah satu amalan terlarang (2:188), yang mana pemberi dan penerimanya adalah berdosa. Perlu dinyatakan bahawa hadiah tidaklah sama dengan rasuah. Kegagalan penguatkuasaan sesuatu undang-undang adalah disebabkan oleh berleluasanya gejala rasuah dalam sesuatu masyarakat. Gejala rasuah boleh merosakkan sistem masyarakat dan boleh mewujudkan keadaan tegang dalam masyarakat tersebut.

#### **iv. Klien Tidak Upaya**

Islam tidak membenarkan orang-orang Islam berurusan dengan orang yang kurang upaya, iaitu kalangan yang belum sempurna akal di dalam soal-soal pemberian dan penerimaan harta. Ini kerana dikhuatiri akan berlaku manipulasi terhadap mereka. Al-Qur'an melarang mukmin memberikan harta kepada orang yang belum sempurna akalnya (4:5).

#### **v. Fitnah**

Memfitnah adalah satu perbuatan yang terkutuk. Islam menyuruh kita memerangi

fitnah secara habis-habisan. Orang-orang Islam disuruh saling bantu-membantu memerangi dan mengelakkan fitnah (8:73). Orang-orang yang menyebarkan berita dusta tidak boleh dibuat kawan (33:60).

## **KAEDAH MEMBUAT KEPUTUSAN**

Penulis telah membincangkan sebelum ini mengenai nilai dan ciri-ciri peribadi peniaga seperti amanah, ikhlas, sabar dan sebagainya yang patut ada pada seseorang peniaga Muslim. Sifat-sifat peribadi ini akan membina kemahiran kepimpinan yang cemerlang. Satu lagi ciri kepimpinan yang cemerlang bagi seorang peniaga ialah kemahiran dalam membuat keputusan. Setiap pemimpin sebenarnya mempunyai tanggungjawab dan pemimpin yang baik akan membuat keputusan dengan cara yang adil apabila berdepan dengan sesuatu permasalahan. Seseorang pemimpin perlu menyelidik dan bermesyuarat sebelum membuat sesuatu keputusan. Sebelum sesuatu keputusan dibuat, seseorang pemimpin mestilah mempunyai maklumat yang cukup. Allah SWT menyuruh orang-orang beriman supaya menyelidik dahulu sesuatu perkhabaran sebelum apa-apa keputusan dibuat, terutamanya apabila sesuatu perkhabaran atau berita itu dibawa oleh orang-orang fasik (49:6). Di samping menyiasat, bermesyuarat juga adalah penting di dalam merumuskan sesuatu keputusan (42:38). Ini adalah demi untuk memastikan rumusan yang diperolehi itu menjadi lebih mantap. Corak dan strategi operasi pengurusan seperti yang difahami daripada pengertian ayat-ayat suci al-Qur'an ini juga boleh difahami dengan jelas jika diteliti aliran pengurusan perniagaan seperti yang tertera di dalam Rajah 3.

## **INTERAKSI DENGAN PERSEKITARAN PERNIAGAAN**

Seorang ahli perniagaan perlu tahu bahawa organisasi perniagaannya berada di dalam persekitaran yang boleh memberi kesan atas sesuatu tindakan yang diambil dan juga boleh menerima kesan daripada tindakan orang lain. Persekitaran itu termasuklah pelanggan, pekerja, pembekal, pesaing dan masyarakat keseluruhannya. Dalam penelitian penulis, terdapat 36 ayat yang dirasakan mempunyai kaitan dengan para peniaga dan penjagaan hubungan baik peniaga dengan persekitaran (Lihat Jadual 1).

### **i. Toleransi Dengan Penghutang dan Sikap Penghutang**

Orang Islam diminta agar bertoleransi dengan penghutang. Pemiutang diseru agar dapat memberi tempoh kepada penghutang yang berada dalam kesempitan hidup sehingga ia mampu melangsaikan hutangnya. Jika pemiutang menyedekahkan hutang tersebut kepada penghutang dengan ikhlas, maka ia adalah lebih baik untuknya (2:280).

## **ii. Hormat Menghormati**

Sikap hormat-menghormati adalah penting untuk mewujudkan keharmonian di dalam masyarakat. Orang-orang Islam disyorkan membuat kebaikan yang lebih baik daripada kebaikan yang diterimanya daripada orang lain. Jikalau seseorang mukmin tidak mampu membantu orang-orang yang memerlukan, misalnya orang-orang miskin, maka janganlah kita mengatakan sesuatu yang boleh mengecilkan hati mereka, tetapi katakanlah kepada mereka dengan cara dan kata-kata yang baik (17:28). Adalah sesuatu yang mendukacitakan apabila ada seorang Islam yang mengaibkan orang lain dengan mencemuh dan merendah-rendahkannya di hadapan khalayak. Perbuatan sebegini adalah merupakan satu dosa (49:11). Sesungguhnya Allah SWT akan memberi kelapangan dalam segala perkara kepada orang yang melapangkan tempat duduk di dalam sesuatu majlis kepada saudaranya (58:11). Berdasarkan keterangan al-Qur'an tersebut, dirumuskan bahawa dalam berinteraksi dengan ahli masyarakat, seseorang peniaga perlu mempunyai sifat mulia seperti menghormati orang lain, tidak suka mengaibkan mereka dan mempunyai kecenderungan untuk memberi kemudahan dan kelapangan kepada orang lain.

## **iii. Tidak Boleh Menceroboh**

Menceroboh premis orang tanpa izin ada suatu kesalahan dan perbuatan itu dilarang oleh Islam (24:28, 24:27), walaupun orang-orang yang diceroboh itu terdiri dari kalangan yang pernah membuat sesuatu perkara yang tidak baik kepada orang-orang Islam (5:2). Namun demikian, apabila seseorang Mukmin memasuki premis yang tidak dihuni oleh sesiapa, tindakan tersebut tidak dinamakan sebagai menceroboh (24:29). Perbuatan menceroboh juga termasuk mengambil kepunyaan orang lain bukan dengan hak. Pencerobohan bukan sahaja boleh dilakukan secara fizikal, malah juga secara maya (*virtual*) dan melalui mata.

## **iv. Tidak Boleh Berdendam**

Dendam adalah satu penyakit dan orang-orang beriman ditegah dari berdendam (5:2). Walaupun orang-orang yang beriman amat tidak suka kepada perbuatan buruk yang dilakukan oleh orang kafir terhadap mereka, tetapi mereka tetap diminta supaya berlaku adil apabila memutuskan hukuman terhadap golongan tersebut. Ini kerana sifat adil yang diamalkan semasa berinteraksi dengan golongan tersebut lebih hampir kepada takwa (5:8).

## **v. Tidak Boleh Bersumpah Untuk Membenarkan Kepalsuan**

Allah SWT tidak mengizinkan orang-orang beriman memperniagakan ayat-ayat suci al-Qur'an dengan harga yang murah iaitu dengan bersumpah dengannya untuk menegakkan kepalsuan demi untuk mendapat keuntungan dunia yang sedikit (5:44, 16:95). Adalah menjadi kemurkaan Allah SWT yang amat sangat apabila seseorang itu berbuat demikian.

#### **vi. Bantu-membantu**

Umat Islam disuruh bantu-membantu antara satu sama lain (8:73) dan bersatu di dalam barisan yang kukuh (61:4). Orang-orang Islam ditegah sama sekali menganiaya antara satu sama lain. Kekuatan sesuatu kaum adalah kerana kukuhnya ikatan persatuan antara mereka.

#### **vii. Darjah Hubungan Awam Yang Tinggi**

Kemahiran perhubungan awam mestilah dikuasai dengan baik oleh setiap orang dan al-Qur'an menyarankan supaya orang-orang Mukmin sentiasa berkata dengan kata-kata yang amat baik walau pun kepada orang yang tidak menyukai dan memusuhi umat Islam (17:53). Mukmin juga disuruh agar tidak memandang rendah kepada sesama manusia (31:18) dan bersikap sombong kepada mereka, juga tidak mengherdik orang-orang yang datang meminta bantuan pimpinan (93:10). Malahan Islam juga telah menjelaskan cara dan kaedahnya yang tersendiri mengenai hidup berjiran. Dengan mengamalkan kaedah dan etika hidup berjiran yang diajar oleh Islam, perhubungan di antara jiran-jiran pasti akan terpelihara.

Di dalam kajian Sexton dan Bowman,<sup>25</sup> mereka membuat kesimpulan bahawa peniaga yang berjaya bukan sahaja mempunyai ciri-ciri seperti kuat bekerja, tetapi juga seorang yang mahir berkomunikasi. Ini menunjukkan bahawa darjah perhubungan awam yang tinggi mampu merubah keadaan, dan itulah sebenarnya pandangan yang selaras dengan seruan al-Qur'an agar umat Islam saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

#### **viii. Benchmarking**

Orang-orang yang boleh dicontohi adalah orang-orang yang mentaati perintah Allah SWT, tidak melampaui batas (26:151), dan tidak melakukan kerosakan di atas muka bumi (26:152). Orang-orang yang bersumpah (palsu), lagi hina tidak patut dijadikan contoh sama sekali (68:10). *Benchmarking* adalah satu konsep di dalam pengurusan kualiti menyeluruh yang dianjurkan oleh seorang pengkaji pengurusan yang terkenal, Edward Demmings. Ia adalah konsep meletakkan satu kayu ukur kepada organisasi yang lebih baik sebagai batu tanda atau tanda aras untuk dicapai dan dilepasi. Ia adalah proses berterusan yang bertujuan membantu pekerja belajar bagaimana untuk mencapai kecemerlangan.<sup>26</sup>

#### **ix. Tindakan Yang Tidak Merugikan Orang Lain**

Seseorang Mukmin perlu memastikan tindak-tanduk yang dilakukan dalam

---

<sup>25</sup> Sexton, D.L., & Bowman, N. (1985), "The Entrepreneur: A Capable Executive & More" in *Journal of Business Venturing*, No. 1.

<sup>26</sup> Omachonu *et.al.* (1994), *Principles of Total Quality Management*, Florida: St. Lucie Press.

berinteraksi dengan orang lain tidaklah sampai merugikan atau mengurangi hak-hak orang lain dan dia sendiri tidak melakukan kerosakan di atas muka bumi (26:183). Kegiatan pembangunan oleh sesetengah pemaju dengan membersihkan hutan sehingga menyebabkan berlakunya bencana alam seperti tanah runtuh dan banjir lumpur yang memberi kesan buruk kepada masyarakat dan negara tidak diizinkan oleh Islam.

#### **x. Buruk Sangka**

Menyimpan perasaan buruk sangka terhadap jiran tetangga dan sesama saudara Islam adalah dilarang oleh Islam (49:12). Sifat ini, jikalau diamalkan akan menyebabkan timbulnya amalan-amalan buruk dalam masyarakat seperti mengumpat, mengintip dan perbuatan gemar mencari kesalahan orang lain.

#### **xi. Mengasihani**

Al-Qur'an menerangkan bahawa orang-orang yang beragama tidak akan sama sekali bertindak kejam terhadap sesama manusia kerana mereka mempunyai rasa belas kasihan yang tinggi (57:27). Anak-anak yatim adalah golongan minoriti dalam sesuatu komuniti yang memerlukan perhatian masyarakat. Justeru itu, dengan adanya mereka orang-orang Islam yang berkemampuan berpeluang untuk membuat kebajikan. Sememangnya Mukmin disuruh memuliakan anak-anak yatim (89:17), tidak mengasari (93:9) dan menzalimi mereka (107:2) kerana sesungguhnya orang-orang yang melakukan kezaliman terhadap anak yatim adalah merupakan orang-orang yang rugi.

#### **xii. Nasihat-menasihati**

Umat Islam juga dianjurkan supaya berpesan-pesan dengan kesabaran dan bersifat belas kasihan antara satu sama lain (90:17). Amalan memberi nasihat dan menegur secara ikhlas kepada golongan atau individu yang melakukan perbuatan yang melampaui batasan agama dan susila sebenarnya boleh membawa rahmat kepada seluruh anggota masyarakat adalah digalakkan.

### **KESIMPULAN**

Al-Qur'an adalah kalam Allah SWT yang diturunkan kepada manusia bertujuan untuk membentuk perlembagaan hidup mereka yang unggul. Ia mengandungi segala seruan, perintah, pengajaran dan pelbagai ilmu yang mana apabila diamalkan dan dihayati, ia akan mengarahkan kepada kesejahteraan ummah. Ditinjau dari aspek ekonomi, dapat dirumuskan bahawa ayat-ayat yang telah dikumpul dan dihuraikan dalam makalah ini telah menggariskan peraturan-peraturan yang perlu diikuti oleh seseorang usahawan untuk membolehkannya menjadi usahawan yang berjaya. Segala usaha yang telah dicurahkan oleh seseorang usahawan berasaskan cara yang betul akan membuahkan kejayaan dalam hidupnya.

Penulis juga dapat menyimpulkan bahawa dalam aspek pengurusan, semua teori pengurusan yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh pengkaji termasyhur seperti Demming, Porter, Drucker dan lain-lain boleh diperolehi daripada al-Qur'an. Terdapat juga beberapa aspek pengurusan dan nilai-nilainya yang dipetik daripada al-Qur'an tidak dibincangkan dalam teori-teori pengurusan masa kini. Apa yang paling jelas, nilai-nilai diri seseorang pengurus, sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Qur'an adalah dikaitkan dengan asas-asas ajaran ketuhanan. Faktor-faktor seperti sifat syukur dan pasrah serta amalan sentiasa memohon hidayah daripada Allah SWT boleh membentuk jiwa yang ikhlas. Asas-asas ajaran ketuhanan juga berupaya meletakkan diri seseorang pengurus di atas jalan yang lurus dan boleh membina sikapnya agar dapat meletakkan matlamat kebajikan dan keadilan ke atas masyarakat sebagai asas tindakannya. Asas seperti ini akan menjadi landasan kepada kejayaan sesebuah organisasi.

Melalui perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa, Islam adalah satu agama yang mengasuh manusia supaya bersifat mulia. Islam mengajar umatnya supaya menjadi manusia yang matang dan hidup dengan cara bersopan serta bermoral tinggi. Sebab itulah konsep etika Islam jauh berbeza dengan konsep-konsep etika sekular. Berdasarkan keterangan al-Qur'an, asuhan etika adalah bermula dengan asuhan peribadi. Ia berbeza misalnya, dengan konsep etika sekular Barat yang berasaskan utilitarianism; fahaman yang menghalalkan cara asalkan matlamatnya betul. Setiap perbuatan yang beretika bermula dengan niat yang baik. Niat yang baik yang mendorong seseorang Mukmin untuk melakukan sesuatu perbuatan dalam ruang kebebasan yang diberi kepadanya akhirnya akan dapat memberikan keadilan untuk semua. Berdasarkan perbincangan di atas juga, penulis akur dengan pandangan yang diberikan oleh tokoh-tokoh ilmuwan tersohor seperti Beekun dan Yusuf Qardawi yang merumuskan bahawa prinsip-prinsip etika Islam adalah berpusat pada nilai-nilai seperti kesatuan, kesamaan, tanggungjawab dan sifat murah hati.<sup>27</sup>

---

<sup>27</sup> Lihat Beekun (1998), *Etika Perniagaan Islam*, terj. Zainab Abd. Kadir, Kuala Lumpur: The International Institute of Islamic Thought (IIIT); Lihat juga Yusof al-Qardawi. (1998), *Peranan Nilai dan Akhlak Dalam Ekonomi Islam*, terj. Mufti Labib & Arsil Ibrahim, Kuala Lumpur: Blue-T Sdn Bhd.